

**NO. SOALAN : 37**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN WONG TIEN FATT [ SANDAKAN ]**

**RUJUKAN : 9321**

**TARIKH : 26 OKTOBER 2016**

**SOALAN:**

**Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [ Sandakan ] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan tindakan yang telah diambil oleh pihak penguat kuasa untuk menggantung IC yang tidak sah dalam pecahan setiap tahun dari tahun 2011 hingga 2015. Apakah langkah-langkah Kerajaan untuk membasmi masalah IC yang tidak sah yang berleluasa di negara kita.**

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, 'IC yang tidak sah' seperti yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat adalah merujuk kepada kad pengenalan palsu atau penggunaan kad pengenalan oleh orang lain bukan kepunyaannya.**

**Kementerian Dalam Negeri (KDN) memandang serius kes-kes pengeluaran dan pengedaran kad pengenalan palsu yang dilakukan oleh sindiket kerana hal ini bukan sahaja melibatkan penipuan kepada penerimanya tetapi turut menjejaskan nama baik Jabatan Pendaftaran Negara (JPN). Semenjak tahun 2011 sehingga 2015, sebanyak 381 kad pengenalan palsu dan 128 kes penggunaan kad pengenalan milik individu lain yang telah dikesan. Kesemua pemegang kad pengenalan ini telah didakwa di bawah Peraturan 25(1)(e), Peraturan-Peraturan Pendaftaran Negara 1990 (Pindaan 2007) yang mana mereka boleh dikenakan hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau denda tidak melebihi RM20,000 atau kedua-duanya sekali.**

**Penglibatan orang awam untuk menyalurkan maklumat berkenaan sindiket pemalsuan adalah amat digalakkan selain daripada pemerolehan maklumat melalui aktiviti risikan yang dijalankan oleh JPN. Pendekatan ini didapati memberikan kesan positif terhadap usaha menangani kes-kes sebegini dan ia dipergiatkan lagi melalui**

hebahan-hebahan kesalahan berkaitan pemalsuan kad pengenalan kepada umum melalui media massa.

Kementerian ini melalui JPN juga telah mengambil langkah untuk mempertingkatkan kualiti kad pengenalan iaitu dengan mengeluarkan Kad Pengenalan Biru bertaraf Warganegara Malaysia (MyKad) Struktur Baru yang memiliki ciri-ciri keselamatan yang lebih tinggi. Antara penambahbaikan MyKad Struktur Baru yang telah diperkenalkan mulai 03 Januari 2012 adalah ianya diperbuat daripada bahan polikarbonat sepenuhnya dan telah diuji ketahanannya di makmal yang diiktiraf. Cip MyKad Struktur Baru ini juga telah melalui beberapa peringkat pengujian termasuklah sebelum proses memasukkan cip ke dalam MyKad. Antara ciri-ciri keselamatan lain yang terdapat pada kad ini adalah turisan laser pada nama, nombor kad pengenalan dan gambar kecil (*ghost image*) yang tidak membolehkan maklumat dipinda dengan mudah dan sekiranya terdapat sebarang pindaan, tindakan tersebut dapat dikesan dengan mudah. Hasilnya, tiada pemalsuan MyKad Struktur Baru yang dikenalpasti sehingga kini.

Selain itu, agensi-agensi di bawah KDN melalui pendekatan Strategi Lautan Biru (NBOS) seperti JPN, Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) juga sentiasa bekerjasama dalam menjalankan operasi secara bersepadu bagi memantau, menyiasat dan membendung sindiket pemalsuan kad pengenalan.